




Dato' Noriyah bt. Ahmad
Ketua Pengarah
(Director General)

UNIT PERANCANG EKONOMI
Economic Planning Unit
JABATAN PERDANA MENTERI
Prime Minister's Department
BLOK B5 & B6
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



EPU
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, MALAYSIA

Telefon : 603-8872 5433
Telefax : 603-8888 3755

Ruj. Tuan:
Your Ref.:

Ruj. Kami: UPE(S)12-10/14
Our Ref.: Jld. 13 (19)

Tarikh: 11 Oktober 2011
Date:

SEMUA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato',

SENARAI PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN BAGI *ROLLING PLAN* KEDUA RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2012-2013)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato', jumlah keseluruhan siling peruntukan bagi *rolling plan* kedua (RP2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah sebanyak RM98.4 bilion bagi melaksanakan 4,718 projek. Keutamaan agihan siling peruntukan diberi untuk menyiapkan projek sambungan RMKe-9 (RM754 juta) dan projek sedia ada yang telah dilulus dalam *rolling plan* pertama (RP1) (RM95,230 juta). Ini bermakna, sebanyak 97.5% daripada keseluruhan siling telah disediakan untuk membiayai projek komited tersebut dan siling peruntukan bagi projek baru RP2 adalah kecil. Senarai projek serta siling peruntukan ini telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri.


3. Sebagaimana Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' sedia maklum, prestasi pelaksanaan projek RP1 kurang memberansangkan, yang mana perbelanjaan peruntukan pembangunan sehingga 7 Oktober 2011 adalah sebanyak 57.3% sahaja berbanding dengan unjuran sebanyak 73.5%. Antara punca yang dikenalpasti menyebabkan projek lewat dilaksana ialah perolehan tapak, perubahan skop projek dan isu berkaitan peningkatan kos projek. Justeru, bagi memastikan projek RP2 dapat dilaksana pada Januari 2012,

Majlis Tindakan Negara (MTN) dalam mesyuaratnya pada 27 September 2011 telah bersetuju, antara lain:

- a. kementerian perlu mematuhi skop dan kos projek yang telah diluluskan oleh UPE, JPM. Sebarang pindaan kepada skop dan kos projek perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN);
 - b. perubahan tapak projek perlu mendapat kelulusan JPPN; dan
 - c. semua projek fizikal yang telah dilulus di bawah RMKe-10 perlu dilaksanakan oleh Jabatan Teknik. Kementerian yang hendak melaksana sendiri projek RMKe-10 perlu mendapat kelulusan JPPN.
4. Semua keputusan di atas hendaklah **diselesaikan sebelum 31 Disember 2011.** Bersama ini disertakan **Garis Panduan bagi Pelaksanaan Program dan Projek Rolling Plan Kedua RMKe-10 (2012-2013)** yang mengambil kira keputusan MTN di atas. Di samping itu, kementerian hendaklah juga mematuhi ketetapan dan peraturan berkaitan pelaksanaan projek yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Bagi membolehkan kementerian membuat persiapan awal pelaksanaan projek, pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato' boleh akses senarai projek pembangunan yang dilulus di bawah kementerian masing-masing melalui SPP II mulai 12 Oktober 2011.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(NORİYAH BINTI AHMAD)

s.k.

Y.BHG. TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN

Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

Y.BHG. TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
Blok Tengah, Tingkat 10, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

Y.BHG. DATUK SHUKRY BIN HJ. MOHD. SALLEH

Ketua Pengarah,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA.

Y.BHG. DATO' IR. MOHD. NOOR BIN YAACOB

Ketua Pengarah Kerja Raya,
Tingkat 5, Blok F,
Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 KUALA LUMPUR.

Y.BHG. DATO' IR. HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Jalan Sultan Salahuddin,
50626 KUALA LUMPUR.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA.

(u.p.: Y.Bhg. Tn. Hj. Rahim bin Abu Bakar
Pengarah Bahagian Pengurusan Belanjawan)

**GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK
ROLLING PLAN KEDUA RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH
(2012 – 2013)**

1. Kementerian perlu memastikan skop projek hendaklah mendapat kelulusan UPE, JPM terlebih dahulu sebelum reka bentuk terperinci dibuat supaya projek dapat dilaksana tanpa melibatkan pertambahan siling peruntukan;
2. Sebarang pindaan kepada skop asal projek perlu mendapat kelulusan JPPN. Kementerian perlu kemuka permohonan pindaan skop projek kepada UPE, JPM dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh surat edaran senarai projek *rolling plan* kedua RMKe-10. Justeru, surat edaran UPE, JPM bertarikh 1 Oktober 2009 mengenai "Peraturan Membuat Perubahan Skop Projek Pembangunan dan Pindah Siling Peruntukan" adalah dibatalkan;
3. Kementerian hendaklah mengemukakan kepada UPE, JPM letter of undertaking bagi skop dan kos yang dilulus;
4. Kementerian hendaklah mematuhi surat edaran UPE, JPM bertarikh 8 Disember 2010 mengenai "Perkara yang Perlu Diambil Kira Berkaitan Kos Projek dan Siling Peruntukan Sebelum Menandatangani Sesuatu Kontrak" bagi mengelak komitmen yang dibuat melebihi kemampuan kewangan Kerajaan;
5. Sebarang pindaan kos projek perlu dikemukakan kepada UPE, JPM dalam tempoh 1 bulan selepas projek diluluskan;
6. Kementerian perlu mengemukakan permohonan peningkatan kos projek kepada UPE, JPM dalam tempoh 1 minggu selepas menerima keputusan Lembaga Perolehan sekiranya kos yang diputuskan melebihi kos yang diluluskan oleh UPE, JPM;
7. Kementerian perlu melaksanakan projek di lokasi yang telah diluluskan. Sekiranya berlaku perubahan tapak, kementerian hendaklah mendapat kelulusan JPPN;
8. Semua kementerian perlu mendapatkan perkhidmatan Jabatan Teknik (JKR & JPS) bagi pelaksanaan semua projek RMKe-10 selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182. Kementerian hanya dibenar mendapat perkhidmatan perunding jika Jabatan Teknik tidak berkemampuan.

Maklumat mengenai agensi pelaksana bagi setiap projek hendaklah dikemaskini dalam SPP II sebelum 31 Disember 2011;

9. Sekiranya kementerian hendak **melaksana sendiri projek fizikal masing-masing, kementerian perlu mendapatkan kelulusan daripada JPPN.** Penetapan agensi pelaksana bagi setiap projek *rolling plan* kedua RMKe-10 perlu dimuktamadkan sebelum 31 Disember 2011. Sehubungan itu, rayuan tersebut perlu dikemukakan untuk kelulusan JPPN dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh surat edaran senarai projek *rolling plan* kedua RMKe-10 ;
10. **Semua projek hendaklah dilaksanakan melalui sistem tender;**
11. Kementerian perlu melaksana **Pengurusan Nilai bagi semua projek yang bernilai RM50 juta ke atas** seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling UPE, JPM Bilangan 3 Tahun 2009 mengenai garis panduan pelaksanaan pengurusan nilai (*value management*) untuk mendapatkan *value for money*. Kementerian juga digalakkan melaksana pengurusan nilai bagi projek yang bernilai kurang dari RM50 juta;
12. **Pelaksanaan projek baru hendaklah menggunakan kaedah *Industrialised Building System (IBS)*** berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008; dan
13. Semua projek pembinaan dan pengubahsuaian bangunan perlu mematuhi Pekeliling UPE, JPM Bilangan 2 Tahun 2009: **Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak, Perancangan Bangunan dan Keperluan Peralatan** yang dikeluarkan UPE, JPM.